

TAJUK:
**PRELIMINARY VALIDATION OF THE PERCEIVED
ETHNIC DISCRIMINATION QUESTIONNAIRE-
COMMUNITY VERSION (PEDQ-CV)**

KETUA PROJEK:
PROF. DR. ROSNAH ISMAIL

PENYELIDIK BERSAMA:
PROF. DR. VINCENT PANG AH FOOK
DR. KNTAYYA MARIAPPAN
DR. BALAN RATHAKRISHNAN
EN. FERLIS HJ. BAHARI
EN. BUDI ANTO MOHD. TAMRING
PN. JOKI PERDANI SAWAI

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2011



PRELIMINARY VALIDATION OF THE PERCEIVED ETHNIC DISCRIMINATION QUESTIONNAIRE-COMMUNITY VERSION (PEDQ-CV)

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi menguji ciri psikometrik *Perceived Ethnic Discrimination Questionnaire-Community Version* (PEDQ-CV). Pengujian psikometrik PEDQ-CV merangkumi kebolehpercayaan ketekalan dalaman dengan menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* dan kesahan konstruk dengan menggunakan kaedah analisis faktor. Kajian sebenar telah dijalankan ke atas pelajar di Kampus Induk Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak. Seramai 700 orang pelajar daripada pelbagai etnik telah diambil sebagai responden. Responden diedarkan dengan borang soal selidik yang merangkumi aspek tanggapan diskriminasi etnik (*Perceived Ethnic Discrimination Questionnaire-Community Version*). Analisis kebolehpercayaan pekali *Cronbach Alpha* dan analisis faktor dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS versi 17.0. Bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen PEDQ-CV dan sub skalanya, pengkaji telah menggunakan kaedah ketekalan dalaman iaitu melalui metod *Cronbach Alpha*. Kajian menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* yang diperolehi bagi skala *Lifetime Discrimination* bernilai .94 dan nilai ini menunjukkan tahap ketekalan dalaman yang sangat baik. Selain menguji pekali *Cronbach Alpha* bagi skala *Lifetime Discrimination*, kumpulan pengkaji juga membandingkan pekali *Cronbach Alpha* oleh Contrada (2001), Appel (2003), Brondolo (2005), *Pilot Study* (2009) dan Kajian Sebenar (2010) bagi skala *Discrimination in the media*, *Discrimination against family members*, *Discrimination in different settings*, dan *Past week discrimination*. Manakala, hasil kesahan konstruk melalui analisis faktor menunjukkan bahawa faktor yang Berjaya dibentuk oleh pengkaji adalah sama dengan faktor yang telah dibentuk oleh Contrada (2001), Appel (2003) dan Brondolo (2005). Sehubungan dengan keputusan kajian yang diperolehi, beberapa implikasi dan cadangan turut dikemukakan.

ABSTRACT

This research was conducted to test the psychometric properties of the Perceived Ethnic Discrimination Questionnaire-Community Version (PEDQ-CV). Psychometric tests of the PEDQ-CV included the internal consistency reliability by using Alpha Cronbach and construct validity by using factor analysis. The actual research was conducted on students on the main campus of Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Malaysia Sarawak. A total of 700 students from various ethnicities were recruited as respondents in this research. Questionnaires which comprised of different aspects of perceived ethnic discrimination were distributed to the respondents. The Alpha Cronbach coefficient reliability and factor analysis were analyzed using the SPSS version 17.0. The researchers used the internal consistency Cronbach Alpha method to determine the reliability of the instrument PEDQ-CV and its sub-scales. Research showed that the Cronbach Alpha for the scale of Lifetime Discrimination is 0.94 and this value indicates high internal consistency. Apart from testing the Cronbach Alpha for the Lifetime Discrimination scale, our research group also compared the Cronbach Alpha by Contrada (2001), Appel (2003), Brondolo (2005) and Pilot Study (2009) with the current research (2010) for the scales of Discrimination in the media, Discrimination against family members, Discrimination in different settings and Past week discrimination. While the result of construct validity through factor analysis showed that factors that were formed by our group is similar to the factors that was formed by Contrada (2001), Appel (2003) and Brondolo (2005). As a consequence from the finding of this research, the implication and suggestions are also proposed.